

## **PENDEKATAN BUKU RUJUKAN MANTIK DALAM BAHASA MELAYU**

### **The Approach of Mantik Reference Books In Malay**

NAZNEEN ISMAIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nazneen@kuis.edu.my

NURHANISAH SENIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nurhanisah@kuis.edu.my

SAHLAWATI ABU BAKAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
sahlawati@kuis.edu.my

SITI FADZILLAH ABDULLAH ZAWAWI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
eiylahfadzilah97@gmail.com

#### **Abstract**

This paper aims to analyse methods of deliverance and approaches employed in mantik Malay reference books. This study is conducted qualitatively with six books chosen as samples namely *Mantik Kaidah Berpikir Islami*, *Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik*, *Pengantar Ilmu Mantik*, *Mantik dan Etnomantik*, *Ilmu Mantiq Undang-Undang Berpikir Valid* and *Ilmu Mantik*. These books are analysed through the content analysis method with a thematical approach focusing on discussed topics, authors' methodology and distinguishing features of each book. It is found that there are hardly any books that relate mantik to daily lives. Thus, it is proposed that the latest version of the reference book for mantik encompasses practical aspects as the main focus in enhancing the students' knowledge of mantik as well as being a reference for society.

Keywords: Mantik References, Course Syllabus, Mantik Application, Mantik in Malay language, Comparative Study

#### **Abstrak**

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis penyampaian dan pendekatan yang digunakan dalam buku-buku rujukan mantik berbahasa Melayu. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan memilih enam buah buku untuk dijadikan sebagai sampel kajian iaitu *Mantik Kaidah Berpikir Islami*, *Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik*, *Pengantar Ilmu Mantik*, *Mantik dan Etnomantik*, *Ilmu Mantiq Undang-Undang Berpikir Valid* dan *Ilmu Mantik*. Kesemua buku ini telah diteliti dan pendekatan analisis kandungan telah dijalankan secara tematik dengan fokus kepada tajuk-tajuk yang dibahaskan, metodologi pengarang dalam menghuraikan serta kelebihan yang ada dalam setiap karya. Kajian mendapati bahawa tidak semua karya menghubungkan mantik dengan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Justeru, pengkaji mencadangkan perlunya buku rujukan mantik versi terkini disusun semula dengan

menjadikan aspek praktikal sebagai tumpuan bagi memperkasa ilmu ini dalam kalangan para pelajar seterusnya boleh dijadikan rujukan masyarakat awam.

Kata kunci: Rujukan mantik, Silibus pembelajaran, Aplikasi mantik, Mantik dalam bahasa Melayu, Kajian perbandingan

## 1.0 PENDAHULUAN

Pada zaman Bani Abbasiyah, ilmu mantik mula bertapak dan telah berkembang dalam masyarakat umat Islam melalui penterjemahan karya-karya Yunani ke dalam bahasa Arab (Nuruddin, 2019). Dalam konteks pemikiran metodologi ini, Aristotle adalah dikira sebagai tokoh pemikir awal metodologi kajian ilmiah yang berjaya mempengaruhi ramai para ulama Islam (Hamat, 2000). Aristotle berperanan besar dalam menyusun kaedah-kaedah mantik secara sistematik serta menyempurnakannya menjadi satu bidang ilmu (Nuruddin, 2019)

Dalam dunia Islam sendiri mempunyai ramai tokoh dalam kalangan alim ulama yang memperjuangkan bidang ini. Antaranya ialah Imam al-Ghazali. Kitab *al-Mustasfa min 'ilm al-Usul* merupakan salah satu sumbangannya yang termasyhur dalam bidang pemikiran Islam. Kitab ini merupakan sebuah karya yang mensintesiskan mantik dengan perbahasan ilmu *usul al-fiqh* (Hamat, 2002). Melalui karya ini beliau meletakkan ilmu mantik sebagai muqaddimah, malah beliau menyatakan bahawa ilmu mantik merupakan muqaddimah bagi semua disiplin ilmu yang berbentuk teoritikal bukan hanya muqaddimah pada ilmu fiqh sahaja. Bahkan pernyataan ini dipersetujui oleh tokoh-tokoh mantik lain yang menyatakan bahawa ilmu mantik adalah sebuah metodologi, alat, neraca atau pengantar bagi setiap ilmu (Wahab & Hamat, 2020).

Fakhr al-Din al-Razi juga merupakan salah seorang tokoh yang termasyhur dalam bidang mantik. Beliau adalah tokoh pemikir Islam pertama yang tidak melihat mantik sebagai satu alat bagi ilmu, sebagaimana yang dipegang oleh kebanyakan ahli falsafah, tetapi menanggapinya sebagai satu ilmu yang khusus. Walau bagaimanapun, beliau banyak menggunakan pendekatan kajian yang dilakukan oleh al-Ghazali, khususnya dalam mengaplikasikan kaedah mantik dalam menghuraikan disiplin ilmu Islam. Sumbangan al-Razi yang besar dalam bidang pemikiran Islam sebenarnya tidak hanya dilihat dari aktiviti ilmiahnya dalam menghasilkan karya-karya mantik tulen, malah sebahagiannya turut mengambil kira sumbangan besarnya dalam memasukkan mantik dalam karya teologinya, contohnya, apa yang terdapat dalam kitab *al-Muhassal* dan menggunakan manhaj mantik dalam karya *Usul al-Fiqh*nya yang bertajuk *al-Mahsul* (Hamat, 2000).

## 2.0 MANTIK DALAM DISIPLIN ILMU ISLAM

Wacana ilmu mantik telah dimanfaatkan dalam pelbagai bidang ilmu pengajian Islam (Wahab & Hamat, 2020). Kesepakatan pandangan dalam kalangan tokoh-tokoh ilmuan Islam dalam menanggapi isu kedudukan mantik sebagai pengenalan atau mukaddimah ilmu pengetahuan menunjukkan bahawa kesemua mereka mempunyai kefahaman yang jelas tentang kedudukan disiplin mantik dalam tingkatan ilmu. Lantaran itu juga, kesedaran tentang kedudukan mantik sebagai alat bagi ilmu yang boleh dimanfaatkan untuk keupayaan proses berfikir secara lancar dan tepat serta mencapai al-hikmah, sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn al-Haytham (Hamat, 2002).

Azhar & Affandi (2010) melihat elemen pemikiran logik amat realistik dan praktik dalam pemikiran fiqh bagi mengukuhkan instrumen *tafaqquh*. Metode *al-qiyas* contohnya merupakan antara kaedah terpenting dalam ilmu mantik yang banyak digunakan untuk perbahasan akidah, fikah dan lain-lain. Metode *al-qiyas* ini boleh membantu umat Islam menguatkan hujah wahyu, di samping dapat dimanfaatkan bagi menangkis serangan musuh-musuh Islam yang turut menggunakan logik akal. Manakala dua metode lagi iaitu *al-tamthil* dan *al-istiqra'* agak kurang digunakan berbanding *al-qiyas*. Oleh itu, ulama Usul al-Fiqh turut menggunakan kaedah *al-qiyas* dalam mengistinbatkan hukum-hakam fikah. Al-Shafi'i (m. 204H) telah memasukkan penghujahan *al-qiyas* dalam ilmu *Usul al-Fiqh* sebagai elemen terpenting ketika berhadapan dengan permasalahan fikah yang tidak mempunyai dalil bersifat *qat'iy* daripada al-Quran dan hadis. Beliau juga didapati tidak membezakan antara ijtihad dengan *al-qiyas* kerana kedua-duanya mempunyai maksud yang sama. Malah al-Shafi'i turut dilaporkan menggunakan kaedah *al-istiqra'* ketika menentukan tempoh haid dan nifas bagi seseorang wanita (Wahab & Hamat, 2020).

Selain itu, ilmu mantik juga digunakan dalam metodologi pendalilan akidah melibatkan dalil '*aqli*. Ilmu mantik digunakan dalam mempertahankan akidah daripada serangan musuh-musuh Islam yang menggunakan hujah logik. Atas faktor ini, majoriti ulama Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran Asha'irah dan Maturidiyyah bersetuju menerima akal, berserta ilmu mantik, sebagai salah satu sumber hujah dalam akidah yang boleh mendatangkan keyakinan keimanan. Dalam hal ini, kedudukan dalil '*aqli* dalam akidah adalah untuk mengukuhkan dalil naqli dan bukan bermaksud untuk mencipta suatu perkara baru (bidaah) yang bertentangan dengan al-Quran dan hadis sebagaimana pegangan Mu'tazilah (Wahab & Hamat, 2020). Di samping itu, logik-logik akal digunakan untuk membuktikan kewujudan Allah SWT dan menguatkan keimanan kepadaNya. Hal ini boleh dilihat melalui bukti kewujudan Allah SWT ialah wujudnya alam yang teratur (Muda & Ali, 2019).

Pada masa yang sama, mantik turut memasuki ilmu kalam memandangkan topik perbahasannya juga berkaitan akidah. Beberapa aliran pemikiran terlibat dalam perkara ini, namun paling menonjol adalah perselisihan antara Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dengan aliran Muktazilah. Muktazilah yang mendapat sokongan pemerintah telah memperdaya dan memaksa umat Islam mengakui pegangan mereka terutamanya dalam isu kemakhlukan al-Quran. Sebagai tindak balas kepada Muktazilah yang terlalu mengutamakan hujah akal, para ulama Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah turut menggunakan mantik bagi mempertahankan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, sebagaimana dijelaskan, kemasukan ilmu mantik dalam ilmu kalam secara meluas dimulai oleh al-Ghazali, dan kemudiannya diikuti oleh tokoh-tokoh lain seperti al-Razi (m. 606H), al-Amidi (m. 631H), al-Baydawi (m. 691H) dan lain-lain (Wahab & Hamat, 2020).

Mantik juga mempunyai hubungan dengan akhlak. Akhlak merupakan sifat yang muncul dari jiwa yang melahirkan perbuatan dengan mudah tanpa perlu difikirkan mahupun diusahakan. Pandangan lain yang menjelaskan bahawa akhlak adalah satu ilmu yang membahaskan tingkah laku manusia sama ada baik dan buruk. Islam menyeru kepada akhlak yang baik dan melarang berbuat keburukan (Syamsuddin & Wan Mamat, 2014). Dalam hal ini, ilmu akhlak mengandungi teori serta perbuatan logik. Untuk melakukan perbuatan tersebut seseorang yang waras terlebih dahulu perlu menggunakan undang-undang mantik. Iaitu seseorang hendaklah memahami hakikat dan penelitian sifat tersebut baik atau buruk sebelum menghasilkan tindakan (Muda & Ali, 2019).

Ilmu mantik bukan sahaja mempunyai hubungan dengan ilmu agama, malah terdapat juga kaitan dengan ilmu keduniaan. Ilmu mantik digunakan dalam ilmu matematik dan kejuruteraan iaitu konsep teorem pythagores. Untuk mencari keputusan dan jumlah keluasan segi tiga bersudut dalam konsep *teorem pythagores* yang digunakan adalah sama dengan konsep *al-Qiyās* yang juga mempunyai tiga rangkaian. Tiga rangkaian yang dimaksudkan ialah *Muqaddimah Sughra*, *Muqaddimah Kubra* dan *Natijah*. Manakala *teorem pythagores* juga menggunakan tiga rangkaian iaitu setentang, bersebelahan dan sendeng. Persamaan tujuan dua konsep tersebut digunakan untuk mencari keputusan (Muda & Ali, 2019). Tetapi pengaruh ilmu mantik dalam matematik tidak menimbulkan polemik, memandangkan matematik tidak dikaitkan secara khusus sebagai ilmu agama (Wahab & Hamat, 2020).

Secara umumnya, ulama telah membahagikan perbincangan ilmu mantik kepada dua bahagian utama iaitu *al-Tasawwurat* dan *al-Tasdiqat*. *Al-Tasawwurat* ialah sesuatu gambaran yang terbentuk daripada pemikiran seseorang. Melalui pemikiran tersebut seseorang dapat mengetahui hakikat sesuatu perkara yang tunggal. Konteks lain, segala bentuk gambaran dan tanggapan yang terbentuk di dalam fikiran seseorang. Iaitu seseorang itu memahami dan menanggapi sesuatu yang tergambar di fikiran tanpa memberi sebarang hukum (Muda & Ali, 2019). Lebih jelas lagi, pemahaman tentang hakikat sesuatu tanpa kita memberi hukuman ke atasnya sama ada secara penafian atau penetapan (Hamat, 1996).

Perbincangan mengenai *al-Taşawwurat* dapat dibahagikan kepada empat topik iaitu *al-dilālāh*, *al-alfāz*, *al-kulliyāt al-khams* dan *al-ta'rif*. *Al-Dilālāt* bermaksud memahami sesuatu perkara menerusi sesuatu perkara yang lain (Hamat, 1996). Seterusnya *al-Lafaz* berperanan menerangkan makna-makna yang hendak disampaikan oleh seseorang kepada orang lain. Lafaz terbahagi kepada dua bahagian iaitu lafaz *mufrad* dan lafaz *murakkab*. Lafaz *mufrad* ialah sesuatu lafaz yang tidak menunjukkan makna terhadap sebahagian makna lain sebagaimana yang dimaksudkan. Manakala, lafaz *murakkab* ialah lafaz yang menunjukkan sebahagiannya terhadap sebahagian daripada makna yang terkandung di dalamnya. *Al-Kuliyāt al-Khams* pula mempunyai hubung kait dan sebagai wasilah secara langsung dengan perbincangan *al-Ta'rif* dan dalam perbincangan *al-Taşawwurat*. Selain itu, ia juga penting untuk dijadikan sebagai predikat atau *al-Mahmūl* bagi sesuatu pernyataan atau *al-Qadiyah*. *Al-Kuliyāt al-Khams* terdiri daripada *al-Jins*, *al-Naw'*, *al-Faṣl*, *al-Khaṣṣah* dan *al-'Araḍ al-Ām* (Mohd Fauzi, 1996). Akhirnya, perbincangan *al-Ta'rif* merupakan skop dan kaedah terpenting *al-Taşawwurat*. *Al-Ta'rif* juga dikenali dengan nama *al-Qawl al-Syāriḥ*. Iaitu sesuatu yang menyebabkan sampai kepada gambaran atau *al-Taşawwurat* sama ada dalam bentuk ayat, pengertian, penjelasan atau gambaran (Muda & Ali, 2019).

*Al-Tasdiqat* merupakan perbincangan yang menjadi pelengkap kepada *al-Tasawwurat*. Perbincangan tentang *al-Taşdiqāt* ini ialah perbincangan untuk menetapkan atau mencari kebenaran terhadap sesuatu kenyataan atau meyakinkan kebenaran sesuatu teori (Muda & Ali, 2019). *Al-Tasdiq* juga bermaksud memberi hukum ke atas sesuatu sama ada dengan cara mengisbatkan sesuatu kepadanya atau menafikan sesuatu daripadanya. Topik yang akan dibahaskan dalam perbincangan ini adalah berkisar kepada *al-Qadaya* (pernyataan) yang menyentuh perbincangan tentang jenis-jenis *al-Qadaya* dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya. Dua bahagian utama dalam topik perbincangan *al-Qadaya* adalah *al-Qadiyah Hamliyah* dengan *al-Qadiyah al-Syartiyyah*. Perbincangan tentang kedua-dua *al-Qadiyah* ini telah diberi penekanan yang seimbang oleh tokoh-tokoh mantik Islam (Hamat, 1996). Seterusnya ialah perbincangan tentang *al-Istidlālāt* yang merupakan perbincangan untuk mencari dalil secara *istinbāt* (Muda & Ali, 2019)

Ilmu mantik sememangnya mempunyai kaitan yang rapat dengan disiplin ilmu lain. Hal ini kerana kaedah-kaedah mantik digunakan dalam ilmu lain untuk mencapai sesuatu hakikat, sesuai dengan kedudukannya yang menjadi muqaddimah bagi ilmu lain. Ilmu mantik bukan sahaja mempunyai hubungan dengan ilmu agama malah juga mempunyai hubungan dengan ilmu keduniaan. Justeru itu, ilmu mantik merupakan ilmu yang penting untuk dipelajari sebagai asas dalam memahami ilmu lain yang berkaitan.

Atas kepentingan ini, para ulama menghasilkan banyak karya berkaitan. Antaranya karya yang ditulis berkaitan bidang mantik ialah *Al-Alfaz Al-Musta'malah Fi Al-Mantiq* (al-Farabi, m.d. 339H), *Mi'yar Al-'Ilm Fi Fann Al-Mantiq* (al-Ghazzali, m.d. 505H), *Al-Sullam Fi 'Ilm Al-Mantiq* (al-Akhdari, m.d. 914H) *Isaghuji* (al-Abhari, m.d. 630 H) dan *Tahdhib Al-Mantiq Wa Al-Kalam* (al-Taftazani, m.d. 792H/1390M).

Begitu juga perkembangan mantik di Alam Melayu. Sebagaimana dalam tradisi warisan Islam, mantik dipelajari sebagai pengantar kepada banyak bidang ilmu lain. Istilah mantik dalam bahasa Arab juga sering dikekalkan oleh para penulis tempatan. Ulama Melayu kebiasaannya mengkaji ilmu ini secara bersepadu dengan bidang lain seperti tauhid, fiqh, usul fiqh, nahu, *isti'arah* dan *balaghah*. Namun, ada juga karya mantik yang khusus ditulis oleh ulama Melayu seperti manuskrip bertajuk '*Ilm al-Mantiq*' yang ditulis pada tahun 1593 (Ismail, 2014).

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan yang terdapat dalam buku-buku mantik berbahasa Melayu moden sama ada diterbitkan di Malaysia mahupun Indonesia.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sebagai rekabentuk yang digunakan. Sebanyak enam buah buku dijadikan sebagai sampel kajian *Mantik Kaidah Berpikir Islami*, *Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik*, *Pengantar Ilmu Mantik*, *Mantik dan Etnomantik*, *Ilmu Mantiq Undang-Undang Berpikir Valid* dan *Ilmu Mantik*. Bentuk pensampelan dilakukan secara pensampelan bertujuan dengan melihat kepada ciri-ciri seperti buku yang bertajuk mantik atau mempunyai perbincangan mantik di dalamnya serta ciri utamanya iaitu ditulis dalam bahasa Melayu. Buku-buku ini dianalisis secara tematik berpandukan kepada beberapa tema iaitu tajuk atau isi kandungan buku, metodologi pengarang dan perbandingannya dengan buku-buku yang lain.

### **5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berikut merupakan huraian berkaitan buku-buku mantik yang diperolehi oleh pengkaji:

#### **5.1 Mantik Kaidah Berpikir Islami (1996)**

Buku ini dikarang oleh H. Syukriadi Sambas dan cetakan pertamanya diterbitkan di Indonesia pada tahun 1996. Setakat 2009, buku ini telah diulang cetak sebanyak lima. Buku ini ditulis bagi membantu para pelajar ilmu mantik khususnya di Fakulti Dakwah IAIN pada tahun 1995. Ia terdiri daripada lima bab iaitu (i) aspek dasar ilmu mantik yang menjelaskan takrif, objek, tujuan, keutamaan, hubungan dengan ilmu lain, sejarah, nama, sumbernya, hukum mempelajarinya dan masalah atau subjek kajian mantik, (ii) menghuraikan berkenaan *Ulu al-Albab* sebagai peribadi manusia yang berfikir, (iii) menjelaskan objek berfikir yang terdiri

daripada dua bentuk iaitu *Ghayr Nisbiyyah* (benda yang kewujudannya tidak bergantung kepada benda lain atau disebut sebagai zat) dan *Nisbiyyah* (benda yang kewujudannya bergantung kepada benda lain atau juga disebut sebagai 'arad), (iv) kaedah berfikir termasuk perbincangan tentang bentuk ilmu, *tasawwur*, *tasdiq* dan juga *istidlal*, dan (v) menggambarkan aplikasi mantik dalam tafsir, ilmu kalam, *usul al-fiqh* dan dakwah.

Berhubung pendekatan yang digunakan oleh penulis dalam menjelaskan tentang kaedah berfikir (khususnya dalam bab keempat), beliau telah menyertakan petikan daripada kitab asal berbahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan serta dihuraikan menggunakan contoh dan rajah berkaitan. Kitab bahasa Arab yang menjadi rujukan pengarang juga telah disenaraikan dalam nota kaki buku ini antaranya *Tahdhib al-Mantiq* (al-Taftazaniy), *Ilmu al-Mantiq* (al-Ibrahimiyy), *Sullam al-Munawwaraq* (al-Akhdariy), *Syarh Matn al-Sullam* (al-Quwaisyini) dan banyak lagi (Sambas, 2009).

Berdasarkan penelitian, buku ini tidak hanya menjelaskan tentang kaedah mantik tetapi turut berusaha menjelaskan kedudukan ilmu ini dalam disiplin ilmu sama ada secara umum mahupun dengan menunjukkan hubungan atau aplikasinya dalam bidang ilmu lain. Pengarang juga mengetengahkan kepentingan ilmu ini dengan menghuraikan keutamaan golongan *Ulul al-Albab* dalam al-Quran yang diangkat darjatnya kerana aktiviti berfikir di samping keimanan mereka yang tinggi kepada Allah SWT.

## 5.2 Pengantar Ilmu Mantik (1997)

Karya yang berbentuk buku rujukan ini dikarang oleh Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin pada tahun 1997 di Malaysia. Tujuannya untuk memperkaya rujukan mantik khususnya bagi pelajar yang mengambil Sijil Tinggi Agama dan mahasiswa universiti. Buku ini menggunakan bahasa yang mudah, disusun secara lengkap dan kemas serta mengetengahkan contoh yang dapat difahami.

Buku ini terdiri daripada lima bahagian iaitu mukaddimah ilmu mantik, mantik klasik, topik perbahasan mantik klasik, perbezaan mantik klasik dan moden serta pengenalan mantik moden berserta tokohnya (Muda & Ali, 2019). Secara keseluruhan, buku ini dilihat lengkap kerana meliputi perbincangan seawal menjelaskan kedudukan dan kepentingan mantik sehinggalah kepada pengenalan berkenaan mantik moden.

## 5.3 Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik (2002)

Pengarang buku ini ialah Dr. H. Baihaqi A.K, mantan Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN Sunan Gunung Djati. Faktor penulisan buku ini ialah kerana sebagai pensyarah subjek mantik, beliau mendapati bahawa masih kurang buku ilmu mantik ditulis dalam bahasa Indonesia. Justeru, beliau melihat perlunya sebuah buku ilmu mantik yang pada awalnya merupakan nota kuliah pelajar diterbitkan dan disebar ke dalam masyarakat awam.

Buku ini terdiri daripada enam bab dimulai dengan pendahuluan atau pengenalan ilmu mantik, diikuti dengan penjelasan berkaitan ilmu dan *dilalah* dalam ilmu mantik, kemudian perbahasan tentang lafaz, dalam bab seterusnya huraian tentang *qadiyyah*, selepas itu dibincangkan tentang *istidlal* dan diakhiri dengan bab pelengkap iaitu bahagian tambahan kepada *istidlal* seperti *lawahiq al-qiyas*, *qiyas mu'allal*, *qiyas al-khalaf*, *istiqra'*, *hujjah* dan kesalahan dalam *qiyas* (A.K., 2007).

Buku ini didapati menggunakan contoh-contoh yang sesuai dengan situasi atau kefahaman pelajar dan tidak terikat dengan contoh bahasa Arab. Gaya bahasanya juga disesuaikan

dengan bahasa Indonesia. Di samping itu, penggunaan rajah juga dapat dilihat terutama dalam meringkaskan huraian berkenaan kaedah mantik. Pengarang juga memasukkan latihan di akhir setiap bab bagi memudahkan para pelajar untuk menilai tahap kefahaman mereka tentang kaedah mantik.

#### **5.4 Ilmu Mantiq Undang-Undang Berpikir Valid (2013)**

Buku ini merupakan rujukan bagi para pelajar Fakulti Syariah dan Ekonomi Islam IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten dan Fakulti Usuluddin dan Dakwah. Pengarang buku ini, H.A. Chaerudji Abdulchalik dan Oom Mukarromah menyatakan bahawa tujuan mereka menyusun buku ini ialah untuk membantu mahasiswa yang menghadapi kesukaran dalam memahami ilmu mantik. Walaupun begitu, kepentingan ilmu ini menyebabkan para pelajar perlu mengetahuinya dengan baik. Justeru, pengarang menggunakan pendekatan dengan hanya menengahkan tajuk-tajuk utama dalam mantik sebagai asas bagi mahasiswa yang baru mempelajarinya. Kelainan buku ini dengan buku mantik sebelumnya ialah dari segi contoh yang diberikan oleh pengarang dalam dua bentuk iaitu dalam bahasa Arab dan bahasa Indonesia. Pengarang menyatakan contoh dalam bahasa Arab ditujukan kepada mahasiswa lepasan pondok manakala contoh dalam bahasa Indonesia disediakan sebagai rujukan masyarakat awam (Abdulchalik & Mukarromah, 2013).

Atas tujuan yang dinyatakan pengarang ini, kita dapat melihat bahawa buku ini terdiri daripada Sembilan bab termasuk penutup. Bab satu, pengertian ilmu mantik dan sejarah perkembangannya. Bab dua, ilmu dan pembahagiannya. Bab tiga, *al-dilalah*. Bab empat, perbincangan ilmu mantik bermula daripada lafaz sehingga kepada takrif. Bab lima, perbincangan *qadiyyah*. Bab enam, perbincangan *tanaqud* dan *'aks*. Bab tujuh, perbincangan *istidlal* dan bab lapan, *asykal al-qiyas* (Abdulchalik & Mukarromah, 2013).

#### **5.5 Mantik dan Etnomantik (2014)**

Buku karangan Mat Rofa Ismail ini telah diterbitkan pada tahun 2014. Ia mengandungi 11 bab menjadikan ia sebagai buku mantik yang tebal dan perlu kepada pembacaan yang khusus bagi memahaminya. Senarai bab yang ada di dalam buku ini ialah (i) Bermulalah satu kisah... Bab ini membincangkan tentang sejarah perkembangan tamadun manusia sejak daripada Nabi Adam AS serta perbincangan berkaitan konsep manusia, (ii) Pengelasan ilmu, (iii) Mantik, matematik, falsafah dan nahu, (iv) Penghujahan mantik, (v) Mantik dalam pemikiran saintifik (vi) Mantik dalam falsafah matematik (vii) Seni penyelesaian dan pembuktian matematik, (viii) Etnomantik, (ix) Perbincangan dan penaakulan mantik dalam ilmu kalam Alam Melayu, (x) Mantik Darwinisme dan (xi) Persoalan parameter sains (Ismail, 2014).

Sebagai seorang yang berkecimpung dalam bidang mantik dan matematik, pengarang menyatakan buku ini merupakan perjalan pemikiran beliau sendiri. Tambahan pula, beliau mendapati terdapat hubungan erat antara mantik dengan matematik. Justeru, buku ini ditulis bertujuan memperkenalkan unsur mantik secara bersahaja. Ia bagi mendekati para pembaca dengan mantik dan melihatnya sebagai satu ilmu yang tidak asing dalam kehidupan. Usaha untuk menjelaskannya kepada para pembaca dilakukan dengan membuktikan hubungan mantik dalam pelbagai bidang ilmu di samping turut fokus kepada perkembangannya di Alam Melayu.

Buku ini boleh dijadikan sebagai buku asas bagi mereka yang ingin mengetahui hubungan ilmu mantik dengan manusia dan boleh juga dijadikan sebagai bacaan lanjutan bagi mereka yang telah memahami konsep-konsep asas mantik.

## 5.6 Ilmu Mantik (2019)

Buku ini merupakan yang terkini ditemui oleh pengkaji. Ia diterbitkan pada tahun 2019. Pengarangnya, Muhammad Nuruddin menghuraikan dengan panjang lebar isu-isu yang menjadi sebab kepada penulisan buku ini. Pada pandangan beliau, meskipun ilmu mantik menjadi pencetus kepada perkembangan ilmu tetapi amat jarang mahasiswa yang bukan Arab tertarik untuk mendalami ilmu ini. Di samping itu, beliau melihat lemahnya penguasaan mantik menjadi faktor kepada timbulnya kontroversi dan kebencian dalam kalangan para penceramah agama. Kekeliruan ini semuanya berkait dengan kesilapan dalam cara berfikir mereka (Nuruddin, 2019).

Maka, atas kesedaran ini penulis telah memulakan langkah dengan menulis secara berkala berkaitan ilmu mantik iaitu *tasawwurat* di laman web qureta yang kemudiannya disusun dan dilengkapkan sehingga menjadi sebuah buku diberi judul Ilmu Mantik (Nuruddin, 2019). Penulis berusaha mendekati mantik dengan pemikiran pembaca dengan gaya bahasa yang santai dan mengemukakan contoh-contoh relevan dengan para pemuda masa kini serta berkait dengan isu-isu semasa. Jika diperhatikan juga, penulis tidak menulis dengan bentuk ilmiah yang kebiasaannya bercirikan ringkas dan padat. Sebaliknya, beliau menggunakan bahasa perbualan dalam menjelaskan tentang mantik. Sehingga para pembaca merasakan seolah-olah penulis sedang berada di hadapannya.

Buku ini mengandungi dua bahagian utama iaitu *tasawwurat* dan *tasdiqat*. Tetapi di dalamnya mengandungi perbincangan yang terperinci berhubung mantik. Contohnya, dalam bab *tasawwurat* dijelaskan juga tentang kepentingan mantik, kaedah berfikir yang perlu diketahui, sejarah mantik, prinsip mantik, konsep ilmu dan proses mendapatkannya. Tajuk-tajuk ini dijelaskan terlebih dahulu sebelum membincangkan kaedah mantik yang benar-benar termasuk dalam perbincangan *tasawwurat* (Nuruddin, 2019).

Berdasarkan penelitian, telah ada usaha untuk menghasilkan buku-buku mantik dalam bahasa Melayu. Kebanyakannya bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi faham kepada para pelajar tentang kaedah-kaedah berfikir dalam mantik. Di samping itu, buku-buku ini turut memasukkan perbincangan lain seperti sejarah serta penjelasan tentang kedudukan mantik sebagai asas ilmu. Namun begitu, huraian yang dilihat teknikal dan teori ini menjadikan seolah-olah kesemua buku ini menulis dengan pendekatan yang sama. Ini berkait dengan contoh-contoh yang dikemukakan dilihat masih masih bersifat asas dan kurang membantu para pembaca dalam memahami aplikasi mantik dalam kehidupan seharian. Hal ini menyebabkan buku mantik hanya dibaca oleh para pelajar yang mengambil subjek tersebut dan belum boleh diterima dalam masyarakat awam. Sebagai cadangan, buku-buku atau pengajian mantik seharusnya mengetengahkan aspek aplikasinya dalam urusan atau isu masyarakat dengan mengemukakan contoh yang relevan dan semasa.

## 6.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, buku rujukan berbahasa Melayu yang ada di pasaran menunjukkan keperluan ilmu ini dalam masyarakat terutamanya para pelajar sekolah menengah agama dan universiti. Sebagai kaedah berfikir, mantik perlu terus diperkenalkan dalam masyarakat dengan cara mempelbagaikan pendekatan penulisan supaya mereka mengetahui dan dapat melihat secara langsung peranan mantik dalam menganalisis isu semasa. Tanpa kaedah berfikir yang benar, masyarakat akan cenderung untuk bertindak mengikut emosi dan mudah dipengaruhi oleh idea-idea palsu serta menyeleweng.



## 7.0 PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS 2020 (No kod: KUIS/PB/2020/GPIK/GPI/002).

## RUJUKAN

- A.K., H. (2007). *Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik*. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Abdulchalik, H., & Mukarromah, O. (2013). *Ilmu Mantiq Undang-Undang Berpikir Valid*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Azhar, A., & Affandi, R. (2010). Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik Dalam Pengajian Syariah. *Jurnal Fiqh*, 7, 1-28.
- Hamat, M. (1996). Pengaruh Mantik Terhadap Pemikiran Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hamat, M. (2000). Mantik Aristotle Dalam Karya Ulama: Satu Analisis Terhadap Beberapa Bahan Penulisan Al-Imam Fakhr Al-Din Al-Razi (M. 606 H./ 1209 M.). *Jurnal Usuluddin*, 1-12.
- Hamat, M. (2002). Kedudukan Mantik Sebagai Mukadimah Ilmu: Satu Analisis Pandangan Al-Imam Al-Ghazzali. *Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 3, 33-56.
- Ismail, M. (2014). *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda, A., & Ali, R. (2019). *Pengantar Ilmu Mantik*. Kundersang Jaya: Pustaka Alam Sdn. Bhd.
- Nuruddin, M. (2019). *Ilmu Mantik*. Jawa Barat: Keira Publishing.
- Sambas, H. (2009). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Syamsuddin, Z., & Wan Mamat, W. (2014). Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali Dan Ibn Miskawayh Dalam Aspek Intelek. *The Online Journal Of Islamic Education*, 2, 107-119.
- Wahab, M., & Hamat, M. (2020). Kedudukan Ilmu Mantik Dalam Pemikiran Islam. *Jurnal Afkar*, 22, 1-42.